



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Department Of Veterinary Services

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2

No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4

62630 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000

Faks : 603-8888 6021

E-mel : pro@dvs.gov.my

Laman Web : www.dvs.gov.my

SIARAN MEDIA

PENYAKIT BOVINE SPONGIFORM ENCEPHALOPATHY (BSE) PADA LEMBU

PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) ingin memaklumkan tentang penyakit *Bovine Spongiform Encephalopathy (BSE)* yang merupakan penyakit kronik pada lembu yang mengambil masa yang lama iaitu bertahun-tahun untuk menunjukkan tanda penyakit. BSE pertama kali telah dikesan pada tahun 1986 di United Kingdom (UK). Ia tergolong dalam kumpulan penyakit saraf yang membawa maut, dicirikan oleh pengumpulan protein yang tidak normal (yang dipanggil *prion*) di dalam tisu saraf dan otak.

Kajian epidemiologi mendapati bahawa sumber rebakan BSE dalam lembu adalah daripada makanan yang dicemari *prion*.

Apabila makanan yang dicemari dengan *prion* dimakan oleh haiwan selain lembu, ia menyebabkan kumpulan Penyakit *Transmissible Spongiform Encephalopathies (TSE)* seperti berikut:

1. Penyakit *Variant Creutzfeldt-Jakob (vCJD)* di kalangan manusia;
2. Penyakit *Scrapie* yang menyerang biri-biri dan kambing; dan
3. Penyakit *Chronic Wasting Disease (CWD)* pada rusa.

BSE adalah terbahagi kepada tiga iaitu:

1. *Classical BSE* yang berlaku melalui penggunaan makanan atau produk makanan yang dicemari *prion*;
2. *Atypical BSE* jenis *H* berlaku secara semulajadi pada ternakan tua; dan
3. *Atypical BSE* jenis *L* berlaku secara semulajadi pada ternakan tua.

Hanya *Classical BSE* yang boleh menyebabkan penyakit *vCJD* pada manusia yang memakan daging atau produk makanan yang tercemar dengan *prion*. *vCJD* pertama kali didiagnosis pada tahun 1996 di United Kingdom. *Atypical BSE* jenis *H* dan *L* tidak menyebabkan sebarang penyakit kepada manusia.

Penyakit *Bovine Spongiform Encephalopathy (BSE)* yang telah menyerang ternakan di Brazil pada awal tahun ini, adalah dari jenis *Atypical BSE* jenis *H* iaitu yang berlaku secara semulajadi terhadap ternakan tua dan tidak menyebabkan penyakit kepada manusia. Sehubungan itu, orang awam tidak perlu bimbang tentang pengambilan daging lembu/produk lembu yang diimport dari luar negara.

DVS sentiasa memantau dan memastikan bahawa daging lembu/produk lembu yang diimport dari luar negara untuk keperluan tempatan adalah bebas dari sebarang penyakit dan selamat untuk dimakan.

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

17 MAC 2023